



KENYATAAN MEDIA

KUOTA INTERNET TAMBAHAN PERCUMA DAN PULANGAN TUNAI UNTUK PENGGUNA PAKEJ PRABAYAR SEMPENA HARI RAYA AIDILFITRI

Para pengguna pakej prabayar akan menikmati kuota Internet tambahan percuma dan pulangan tunai sempena Hari Raya Aidilfitri bagi tempoh tertentu hingga 31 Mei 2023.

Inisiatif ini disediakan secara kerjasama strategik antara Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD) melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dengan syarikat-syarikat penyedia perkhidmatan telekomunikasi yang meliputi:

| Maxis | CelcomDigi | Unifi Mobile | Umobile | YES |
|---|---|--|--|---|
| <ul style="list-style-type: none">• Bonus 100GB dengan pelan Internet HotlinkMU.• Tempoh tertakluk pada tempoh sah laku pas yang dibeli.• Sah hingga 15 Mei 2023. | <ul style="list-style-type: none">• Pelan video HD 555GB RM5.00 untuk melayari video dan tempoh sah laku selama 4 hari.• Sah hingga 15 Mei 2023. | <ul style="list-style-type: none">• Pulangan tunai RM5.00 dengan pelan Internet prabayar 4G/5G.• RM35 data 4G dan 5G tanpa had dan panggilan tanpa had selama 30 hari.• Sah hingga 5 Mei 2023. | <ul style="list-style-type: none">• Bonus 10GB dengan pelan Pakej Perpaduan.• Sah hingga 31 Mei 2023. | <ul style="list-style-type: none">• Bonus 44GB data dengan tempoh sah laku selama 7 hari.• Sah hingga 15 Mei 2023. |

Kemudahan yang disediakan tertakluk kepada terma dan syarat syarikat penyedia perkhidmatan. Para pelanggan dinasihati untuk menghubungi penyedia perkhidmatan masing-masing bagi mendapatkan maklumat lanjut.

Usaha Kerajaan dan semua syarikat penyedia perkhidmatan telekomunikasi yang terlibat ini selari dengan konsep RAHMAH dalam meringankan kos sara hidup serta sentiasa mengutamakan kebajikan rakyat. Diharapkan kemudahan ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh para pengguna pakej prabayar sempena musim perayaan ini.

FAHMI FADZIL
MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL

18 April 2023